

03 APR 2001

RRJP3-RAFIDAH

MITI NAK TUBUH MAJLIS KUKUHKAN DAYA SAING SEKTOR PEMBUATAN

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri merancang untuk menubuhkan satu majlis peringkat kebangsaan untuk mengukuhkan daya saing dalam sektor pembuatan Malaysia.

Majlis itu akan mempunyai wakil daripada kedua-dua sektor awam dan swasta untuk menyediakan input yang perlu bagi membentuk asas perangkaan strategi mengukuhkan daya saing negara, kata menterinya Datuk Seri Rafidah Aziz.

Terdapat beberapa strategi sedia ada yang akan diguna pakai oleh kerajaan tetapi ianya perlu diperkemaskan lagi, katanya.

"Kami berharap majlis ini akan menjadi penggerak utama untuk menyediakan input kepada kerajaan dan sektor swasta," katanya kepada pemberita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga negara atau RRJP3 di Dewan Rakyat hari ini.

Rafidah berkata daya saing negara adalah tanggungjawab bagi kedua-dua kerajaan dan sektor swasta.

Beliau berkata, kerajaan bagi bahagiannya akan lebih peka kepada permintaan pasaran dan "membaiki" peraturannya di samping membenarkan sektor swasta untuk mengubahsuai.

Mengenai pembentukan lebih banyak perbadanan multinasional Malaysia (MNC), Rafidah berkata program itu telah dipulihkan semula dan berjalan lancar ketika ini selepas tertangguh sementara waktu berikutan kegawatan ekonomi sebelum ini.

Sesetengah daripada MNC yang berpotensi perlu disusun semula walaupun dalam operasi domestik mereka tetapi mereka kini sudah bangkit semula manakala sebahagiannya telah pulih dan bergabung antara sama lain, katanya.

"Usaha-usaha juga diambil untuk memberi bimbingan kepada mereka bagaimana dan di mana untuk melabur di luar negara," tambahnya. -- BERNAMA

LES SD ZK